

21 AUG 2004

MIC-Penghormatan

MIC BERI PENGHORMATAN KEPADA KEPIMPINAN ABDULLAH

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- MIC, parti terbesar kaum India dengan 640,000 anggota, hari ini memberi penghormatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana berjaya memenangi "hati dan pemikiran" rakyat dalam tempoh yang singkat selepas memegang tampuk pemerintahan pada Oktober lepas.

"Dalam tempoh yang singkat sebagai Perdana Menteri, anda telah menempa imej yang cemerlang di hati dan pemikiran seluruh rakyat. Keprihatinan dan kasih sayang anda kepada rakyat menjadi tarikan.

"Anda telah mencipta seni baru dalam mendengar rintihan rakyat yang merupakan kualiti asas seorang pemimpin. Kesederhanaan dan kemurahan hati anda kini menjadi asas kepada perkhidmatan politik kepada masyarakat," kata presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dalam ucapan dasarnya pada persidangan agung ke-58 MIC di sini.

Persidangan yang disertai 4,500 perwakilan itu dirasmikan oleh Abdullah. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad turut hadir pada majlis perasmian itu.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata slogan baru Barisan Nasional (BN) "ke arah Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang" yang dicipta oleh Abdullah telah mendapat tempat di hati rakyat.

"Perdana Menteri, MIC memberi penghormatan kepada anda kerana kejayaan besar pada pilihan raya umum lepas. Barisan Nasional meraih kemenangan terbesar dengan memenangi 90 peratus kerusi Parlimen. Inilah penghormatan besar rakyat kepada anda kerana dedikasi anda kepada negara.

Samy Vellu berkata Perdana Menteri telah mencabar semua ahli politik supaya berpegang kepada prinsip-prinsip murni seperti beretika, integriti, telus dan bertanggungjawab.

"Nilai-nilai ini kini diterjemahkan melalui institusi dan mekanisme yang dapat mencegah salah guna kuasa dan rasuah. Penyampaian dan pelaksanaan berkesan perkhidmatan awam juga menjadi satu dimensi besar dalam usaha Perdana Menteri membaiki pentadbiran negara," katanya.

Samy Vellu mahu pemimpin dan perwakilan MIC supaya menghayati nilai murni yang diterapkan oleh Perdana Menteri.

Beliau berkata MIC juga menghargai Abdullah kerana memberikan tambahan jawatan timbalan menteri dan setiausaha parlimen kepada parti itu yang akan mengukuhkan lagi perjuangannya untuk berkhidmat kepada masyarakat India.

-- BERNAMA

SR KHY MOZ